

Kerajaan bayar pampasan jika ambil alih LRT

BH 3 JUL 2001

PUTRAJAYA, Isnin - Kerajaan berjanji membayar pampasan kepada syarikat pengendali sistem transit aliran ringan (LRT) iaitu Sistem Transit Aliran (Star) dan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (Putra), jika ia mengambil alih kedua-dua syarikat itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata bagaimanapun jumlah sebenar pampasan itu masih belum ditentukan.

"Kita akan bagi pampasan setakat yang patut kita bagi. Jumlahnya belum ditetapkan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Aeroangkasa Malaysia di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan akhbar *Asian Wall Street Journal* (ASWJ) hari ini, yang menyatakan kerajaan memutuskan untuk tidak membayar pampasan kepada pengusaha LRT itu, langka yang didakwa akhbar itu boleh mengheret kerajaan dan sistem penswastan ke mahkamah.

Disember lalu, kerajaan bercadang membeli aset milik dua syarikat pengendali sistem LRT itu yang akan dibiayai menerusi terbitan bon-bersiri berjumlah RM6 bilion.

Bagaimanapun, baru-baru ini Dr Mahathir berkata, kerajaan belum membuat keputusan sama ada membeli atau tidak aset kedua-dua syarikat dan masih perlu mengkaji masalah syarikat berkenaan.

Ditanya perkembangan lanjut mengenai perkara itu, beliau berkata ia masih dalam kajian dan setakat ini kerajaan belum membuat sebarang keputusan.

"Kita masih kaji, kita belum buat keputusan apa pendekatan perlu digunakan untuk menentukan syarikat ini dapat menjalankan sistem dengan cara memberi khidmat kepada orang ramai tetapi tidak merugikan syarikat," katanya.

Mengenai kertas cadangan yang dihantar kepada kerajaan oleh Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) berhubung cadangan membeli aset Star dan Putra itu, beliau berkata: "Ia bukan saja dibuat oleh CDRC, kita (kerajaan) pun buat kajian juga."

Menurut ASWJ, kerajaan tidak akan membayar pampasan kepada dua syarikat yang menghadapi masalah hutang itu kerana menyerahkan balik konsesi kepadanya, seperti dicadangkan dalam pelan bagi menyelamatkan syarikat terbabit seperti diumumkan kerajaan Disember lalu.

Mengenai mesyuarat pertama Majlis Aeroangkasa itu, Dr Mahathir berkata, ia cuba mengenal pasti bidang yang boleh diceburi dan mendapati banyak peluang boleh diterokai termasuk membuat pesawat dan bahan komposit lain.

Katanya, bagi projek aeroangkasa, kerajaan mempunyai projek membuat pesawat peninjau Eagle yang boleh terbang automatik dengan kawalan jauh.

Selain itu katanya, kerajaan turut mengkaji kemungkinan mengadakan lebih banyak satelit untuk kegunaan tetapi setakat ini belum ada sebarang keputusan mengenainya dibuat.